

SEKRETARIAT HIMPUN



Gerakan
Perempuan
Melayu



Kenyataan Bersama

Suara Rakyat Wajib Didengari: Polis Harus Memudahkan, Bukan Menghalang, Akses ke Parlimen

Sekretariat Himpun bersama organisasi yang menandatangani kenyataan ini mengcam sekeras-kerasnya tindakan pihak polis yang menghalang peserta protes aman di luar Parlimen hari ini semasa penyerahan memorandum berkaitan pindaan Akta Perhimpunan Aman dan pemansuhan Akta Hasutan. Hak berhimpun secara aman dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Tindakan menghalang dan tindak balas polis yang tidak seimbang—lebih-lebih lagi apabila peserta protes membawa tuntutan reformasi undang-undang berteraskan hak asasi manusia kepada Ahli Parlimen—telah mencabul kebebasan demokratik dan menghakis kepercayaan awam terhadap institusi negara.

Pada pagi ini, peserta protes telah dihalang oleh kehadiran lebih 60 anggota polis, termasuk Pasukan Light Strike Force (LSF). Satu barisan manusia (human chain) dibentuk kurang 100 meter dari pintu pagar Parlimen, menghalang peserta daripada mara lebih jauh. Walaupun perhimpunan berlangsung secara aman dan tujuan peserta jelas untuk menyerahkan memorandum, pihak polis tetap enggan memberi laluan. Tiada penjelasan munasabah diberikan selain dakwaan bahawa Parlimen ialah “kawasan larangan”.

Sebelum pandemik COVID-19, perhimpunan aman dibenarkan melewati pintu pagar Parlimen untuk penyerahan memorandum. Namun sejak itu, akses telah dihadkan secara sewenang-wenangnya, dan peserta protes kini hanya dibenarkan berkumpul di jalan awam di luar kawasan Parlimen, sekali gus menjaskan fungsi demokratik perhimpunan awam.

Seperti ditegaskan oleh Pelapor Khas PBB mengenai Kebebasan Berhimpun, hak untuk memprotes merangkumi hak untuk berada “dalam jarak penglihatan dan pendengaran” kepada audiens yang disasarkan. Inilah fungsi demokratik utama protes—menyampaikan tuntutan rakyat terus kepada pemegang kuasa.

Pihak berkuasa mempunyai tanggungjawab untuk memudahkan perhimpunan di lokasi yang relevan. Namun dalam kes ini, bukan sahaja polis gagal memudahkan, malah kehadiran mereka yang berlebihan telah menghalang ruang buat penganjur dan peserta. Akibat halangan ini, Ahli Parlimen dan/atau wakil mereka terpaksa keluar dari kawasan Parlimen untuk menerima memorandum secara langsung.

Sekalipun ada sekatan, ia mesti seimbang dengan jaminan Perlembagaan Malaysia serta prinsip keperluan dan keseksamaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Larangan menyeluruh ke atas kehadiran di Parlimen bukan sahaja gagal memenuhi piawaian ini, malah menghantar mesej yang salah—bahawa suara rakyat hanya layak di pinggiran dan tidak di pusat pembuatan dasar.

Skala dan sikap kehadiran polis, termasuk penugasan LSF, jelas berpunca daripada andaian bahawa protes adalah ancaman, bukannya proses demokratik. Ini sangat membimbangkan kerana tiada sebarang ancaman terhadap ketenteraman awam wujud. Tindakan mempamerkan kekuatan sedemikian berupaya menakut-nakutkan masyarakat, sekaligus menghakis keyakinan rakyat terhadap peranan polis sebagai pemudah hak perlembagaan untuk berhimpun secara aman, dan mengecewakan mereka yang ingin bersuara secara beradab.

Lebih membimbangkan, ketika rundingan masih berlangsung antara penganjur dan polis di sebalik halangan, seorang peserta wanita—ahli pasukan rundingan—telah ditolak oleh anggota polis wanita, dipercayai atas arahan samar seorang pegawai lelaki.

Sekretariat Himpun menegaskan dan mempertahankan hak berhimpun secara aman untuk menuntut keadilan dan reformasi. Tiada sesiapa wajar diugut atau dihalang hanya kerana melaksanakan hak perlembagaan mereka. Kami menuntut:

- Pemulihan segera akses rakyat ke Parlimen, termasuk protokol jelas dan munasabah bagi membolehkan penyerahan memorandum kepada Parlimen oleh peserta perhimpunan, selaras standard hak asasi manusia antarabangsa;
- Komitmen Kementerian Dalam Negeri agar sebarang pindaan Akta Perhimpunan Aman akan melalui semakan menyeluruh ke atas mana-mana seksyen yang menghadkan hak berhimpun supaya selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa;
- Penambahbaikan latihan polis agar tumpuan diberi kepada pengurusan perhimpunan secara fasilitatif dan berasaskan hak asasi manusia, serta penekanan terhadap kawalan diri dalam penggunaan kuasa.

SEKRETARIAT HIMPUN

22 JULY 2025

Kenyataan ini disokong oleh:

1. Mandiri
2. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
3. Bersih
4. Centre for Independent Journalism (CIJ)
5. Federasi Pemuda Kebangsaan
6. Liga Mahasiswa Malaysia
7. Mahasiswa Demokratik Malaysia
8. Gerakan Perempuan Melawan
9. Justice For Sisters
10. Amnesty International Malaysia
11. Center To Combat Corruption & Cronyism (C4 Center)
12. Pro-Siswa Kolej Komuniti Malaysia